

Penyampai : DATIN SERI JEANNE BINTI ABDULLAH
Tajuk : UCAPAN SEMBAH KENAL SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG
Lokasi : SERI PERDANA, PUTRAJAYA
Tarikh : 18-01-2008

BISMILLAHHIRAHMANNIRRAHIM,

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH HIWABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

MENGADAP SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG TUANKU NUR ZAHIRAH.

AMPUN TUANKU,

1. PATIK MENDAHULUI DENGAN MELAFAZ SYUKUR KE HADRAT ILLAHI KERANA DENGAN LIMPAN KURNIANYA JUA MAKA MAJLIS PADA HARI INI YANG PENUH BERMAKNA DAN MENGGUNUNG ERTINYA PADA PATIK DAN AHLI BAKTI SEKALIAN DAPAT DILANGSUNGKAN DALAM SUASANA KEMERIAHAN.

AMPUN TUANKU,

2. PATIK SELAKU YANG DI PERTUA BAKTI DAN SEMUA AHLI BAKTI SERTA ISTERI MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI DENGAN PENUH TAKZIM MERAFAK SEMBAH MENJUJUNG KASIH YANG TIDAK TERHINGGA ATAS PERKENAN BAGINDA TUANKU BERANGKAT KE MAJLIS PADA PETANG INI .

'INDAH SUNGGUH SI RAMA-RAMA

BAKAR GAHARU DI ATAS BARA

RAJA PERMAISURI BAK BULAN PURNAMA

MELIMPahkan CAHAYA KE SELURUH NEGARA

GAHARU DIBAKAR MEMBAWA WANGI

BUNGA RAMPAI DI TABUR-TABUR

KEBERANGKATAN TUANKU KAMI SANJUNGI

MOGA TUANKU AKAN TERHIBUR'

3. PADA PETANG INI MERUPAKAN MAJLIS RASMI BAGI BAKTI MERAIKAN PERTABALAN TUANKU SERTA MENSEMBAH KENAL AHLI-AHLI BAKTI SERTA ISTERI-ISTERI MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI KEPADA TUANKU. PATIK MENYUSUN JARI SEPULUH MOHON AMPUN DAN MAAF KERANA MAJLIS SEMBAH KENAL TELAH DITANGGUHKAN DARI TAHUN LALU. PATIK BERSYUKUR KERANA MAJLIS INI DAPAT DISEMPURNAKAN PADA PETANG YANG MULIA INI.

4. SEMEMANGNYA BAKTI ADALAH PERTUBUHAN YANG ISTIMEWA KERANA KOMPOSISI AHLINYA TERDIRI DARI ISTERI PEMIMPIN NEGARA DAN ISTERI BEKAS PEMIMPIN NEGARA YANG DATANG DARI PELBAGAI KETURUNAN LATARBELAKANG PROFESION DAN PENGALAMAN. BAKTI SENTIASA BERGERAK AKTIF UNTUK MELAKSANAKAN PROGRAM-PROGRAM KEBAJIKAN UNTUK MEMBANTU GOLONGAN KURANG UPAYA DAN YANG MEMERLUKAN BANTUAN.

5. PROGRAM-PROGRAM BAKTI JUGA BERTUJUAN MENINGKATKAN HUBUNGAN AHLI-AHLI BAKTI DENGAN MASYARAKAT SAMBIL MERAPATKAN KEMESRAAN AHLI-AHLI BAKTI DENGAN BADAN-BADAN KEBAJIKAN ISTERI WAKIL RAKYAT DIPERINGKAT NEGERI.

6. BAKTI SENTIASA MERAIKAN SERTA MENGHULURKAN SUMBANGAN KEPADA MASYARAKAT MISKIN GOLONGAN WARGA EMAS GOLONGAN KANAK-KANAK ORANG KURANG UPAYA MANGSA BENCANA ALAM SERTA SUMBANGAN BUNGKUSAN HARI RAYA UNTUK PASUKAN KESELAMATAN DI MUSIM PERAYAAN.

7. PROJEK KHAS PROGRAM SEMAI BAKTI IAITU PROGRAM UNTUK MEMBOLEHKAN GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA BERDIKARI DAN SETERUSNYA DIINTEGRASIKAN KE DALAM MASYARAKAT AKAN DIPERLUASKAN BUKAN SAHAJA DI PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI DI TANAH RANCANGAN FELDA TETAPI DISEMUA PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI DI SELURUH NEGARA. INSYAALLAH PROGRAM INI AKAN DISEMPURNAKAN PELANCARANNYA OLEH YAB PERDANA MENTERI PADA 1 FEBRUARI 2008 DI SEBERANG PERAI SELATAN PULAU PINANG. PROGRAM INI JUGA MENYEDIAKAN LATIHAN KEPADA SUKARELAWAN DAN JUGA IBU BAPA O.K.U. INI BERTEPATAN DENGAN OBJEKTIF BAKTI MEMBANTU GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA DENGAN LEBIH BERKESAN.

8. SELAIN DARI ITU PROGRAM ANAK ANGKAT BAKTI DIMANA SETIAP AHLI MENGAMBIL LIMA ANAK ANGKAT DARI TINGKATAN EMPAT DAN MENJADIKAN MEREKA ANAK ANGKAT HINGGA AKHIR TINGKATAN LIMA TERUS DILAKSANAKAN. BAKTI JUGA MENJALANKAN PROGRAM 'MALAYSIAN INFORMATION NETWORK ON DISABILITIES' ATAU MIND BERTUJUAN MENGUMPULKAN MAKLUMAT ORANG KURANG UPAYA TERMASUK JENIS KECACATAN JENIS RAWATAN DAN KHIDMAT PERUBATAN DALAM DAN LUAR NEGERI.

9. SELAIN DARI ITU PROGRAM TAHUNAN ISTERI WAKIL WAKIL RAKYAT SEMALAYSIA YANG DILAKSANAKAN OLEH BAKTI DENGAN BADAN AMAL KEBAJIKAN ISTERI WAKIL RAKYAT NEGERI-NEGERI ADALAH UNTUK MENERATKAN SILATULRAHIM YANG SEDIA TERJALIN ANTARA AHLI BAKTI DAN ISTERI-ISTERI WAKIL RAKYAT SELURUH NEGARA.

TUANKU PERMAISURI,

10. BAKTI IS NOT A POLITICAL PARTY. WE ARE BUT A GROUP OF HUMBLE WIVES OF POLITICIANS WHO WANT TO DO OUR BEST TO MAKE OUR COUNTRY BETTER PLACE TO LIVE IN.

AMPUN TUANKU,

11. PATIK SEKALIAN PERCAYA TUANKU AKAN MELAKSANAKAN PERANAN SEBAGAI RAJA PERMAISURI AGONG YANG DISAYANGI RAKYAT DAN BERJAYA MENUNJUKKAN TELADAN YANG BAIK SEBAGAI ISTERI DAN IBU YANG DICONTOKI SEMUA LAPISAN RAKYAT KHUSUSNYA KAUM WANITA. PATIK SEKALIAN AKAN MEMBERI SEPENUH KERJASAMA DAN BERIKRAR TAAT SETIA KEPADA TUANKU MENJALANKAN TUGAS RASMI SEBAGAI PAYUNG NEGARA.

12. PATIK SEKALIAN AKAN TERUS BERUSAHA MELALUI AKTIVITI-AKTIVITI KEBAJIKAN DAN SOSIAL MENJURUS PERHATIAN KEPADA GOLONGAN RAKYAT MALAYSIA YANG MEMERLUKAN BANTUAN. BAKTI HENDAK MENJADIKAN RAKYAT MALAYSIA SEBAGAI MASYARAKAT PRIHATIN DAN PENYAYANG.

AMPUN TUANKU,

13. MAJLIS PADA PETANG INI DIHARAP AKAN MENEPATI HASRAT YANG TERSIRAT. SELAMA BEBERAPA MINGGU YANG LALU AHLI-AHLI BAKTI TELAH BERLATIH UNTUK PERSIAPAN PERSEMBAHAN DAN MENYEDIAKAN SATU JENIS KUIH AUTHENTIC DARI SETIAP NEGERI UNTUK JAMUAN PADA PETANG INI. PATIK BERHARAP PERSEMBAHAN INI NANTI AKAN MENGHIBURKAN TUANKU.

14. AKHIR SEKALI PATIK SEKELIAN MENDOAKAN SEMOGA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI PERTUAN AGONG DAN SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG SERTA KERABAT DIRAJA SEKELIAN SENTIASA DIDALAM PEMELIHARAAN DAN PERLINDUNGAN ILAHI DILANJUTKAN USIA DAN SENTIASA BERADA DALAM SIHAT WALAFIAT .

'SELEPAS BERUCAP BERSANTAP BERSAMA

SAMBIL MENYAKSI PERSEMBAHAN BAKTI
KEBERANGKATAN TUANKU SANGAT BERMAKNA
KAMI SEKELIAN SENANG DI HATI

DAUN SELASEH HAMBA LURUTKAN
MARI DICAMPUR KE DALAM KUALI
MENJUNJUNG KASEH BAKTI UCAPKAN
TUANKU SUDI MENCEMAR DULI'

AMPUN TUANKU BERIBU AMPUN SEMBAH PATIK MOHON DI AMPUN. SEKIAN.
WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH HIWABARAKATUH.